

KONVENSYEN HAK KANAK-KANAK MENGALAKKAN HAK KANAK-KANAK – AMBIL TINDAKAN!

TINGKATKAN KESEDARAN:

Stiap kanak-kanak mempunyai hak, dan masyarakat di peringkat kebangsaan dan tempatan tidak akan maju kecuali jika kita dapat memperkasakan kanak-kanak kerana merekalah yang akan menerajui masa hadapan.

PELAJARI LEBIH MENDALAM:

Dapatkan maklumat tentang kanak-kanak di dalam masyarakat anda yang hidup dalam kemiskinan, diskriminasi, tidak dipedulikan, kerja buruh dan eksploitasi, penyakit yang mengancam nyawa, persekitaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan mereka. Sila kongsi harapan dan kemarahan anda dengan orang lain.

SIKAP BERTANGGUNGJAWAB:

Sedarlah bahawa kesejahteraan kanak-kanak adalah tanggungjawab semua.

SUARAKAN PENDAPAT ANDA:

Suarakan kebimbangan anda tentang hak kanak-kanak di dalam masyarakat anda kepada pemimpin kerajaan tempatan dan negara anda.

AMBIL TINDAKAN:

Berikan sokongan kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh kumpulan dan individu yang mengambil tindakan di dalam memberi sokongan kepada kanak-kanak.

MENJADI SUKARELAWAN:

Sertai kumpulan advokasi hak kanak-kanak di tempat anda atau luangkan masa untuk memperbaiki keadaan kanak-kanak dan keluarga di kawasan tempat tinggal anda.

MENDAPATKAN SOKONGAN:

Letakkan tanggungjawab terhadap keadaan kehidupan kanak-kanak di dalam negara anda di atas bahu pemimpin-pemimpin tempatan dan negara anda. Letakkan tanggungjawab yang sama terhadap media, badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan keagamaan.

PASTIKAN KANAK-KANAK DIAMBIL KIRA:

Lihat kesan-kesan yang dibawa oleh keputusan yang dibuat oleh perniagaan anda terhadap kanak-kanak di seluruh dunia. Lindungi anak-anak para pekerja dan rakan-rakan kerja anda.